

## Peraduan Jantung Dijaga , Keluarga Bahagia

### TERMA DAN SYARAT

#### A: Jadual Syarat Penyertaan

<b>Penganjur</b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966)								
<b>Peraduan</b>	Jantung Dijaga , Keluarga Bahagia								
<b>Tempoh Peraduan</b>	Peraduan ini bermula pada 00:00:00 pada 26 <sup>hb</sup> Oktober 2020 dan ditutup pada 23:59:59 pada 6 <sup>hb</sup> Disember 2020.								
<b>Kelayakan</b>	Peraduan ini terbuka kepada semua individu yang bermastautin secara sah di Malaysia / Warganegara Malaysia yang berusia 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Peraduan.								
<b>Kaedah Penyertaan</b>	<p><b>Penyertaan Melalui WhatsApp</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Untuk menyertai Peraduan ini, beli mana-mana produk susu Nestle Omega Plus yang mengambil bahagian seperti yang disenaraikan dalam perenggan 7 di bawah ("<b>Produk</b>") bernilai minimum Ringgit Malaysia Lima Belas (RM15.00) ("<b>Nilai Minimum</b>") dalam satu resit ("<b>Bukti Pembelian</b>") yang dikeluarkan oleh cawangan luar talian Tesco atau atas talian rasmi Tesco dalam tempoh Peraduan (laman sesawang rasmi atau aplikasi mudah alih).</li> <li>Berikan jawapan yang betul kepada soalan Peraduan ("<b>Soalan Peraduan</b>"): Susu NESTLÉ Omega Plus mengandungi ActiCol®, sterol tumbuhan yang terbukti berkesan merendahkan kolesterol . <b>Betul/Salah</b>.</li> <li>Tulis di bahagian depan Resit asal ("<b>Bukti Pembelian</b>"), nama penuh anda (mengikut MyKad), nombor MyKad, alamat e-mel (jika ada) dan jawapan yang betul (contoh: Wong Mei Ling, 851120-08-4881, lingwm@gmail.com , Betul ) ("<b>Penyertaan</b> ").</li> <li>Hantar gambar yang jelas Bukti Pembelian melalui aplikasi WhatsApp ke <b>018-989 8290</b>. Setiap Penyertaan, setelah disahkan oleh pihak Penganjur, akan diberikan nombor siri yang berturutan.</li> <li>Penyertaan tanpa alamat e-mel masih diterima.</li> <li>Pihak Penganjur tidak akan menghantar laporan pengesahan bagi setiap Penyertaan yang diterima.</li> <li>Senarai Produk yang mengambil bahagian :</li> </ol> <table border="1" data-bbox="466 1720 1385 1899"> <thead> <tr> <th>NO</th> <th>SKU</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1</td> <td>NESTLÉ Omega Plus Powder ( 150g , 600g, 660g, 1kg, 1.1kg)</td> </tr> <tr> <td>2</td> <td>NESTLÉ Omega Plus with Oats ( 10 x 42g , 10 + 2 x 42g)</td> </tr> <tr> <td>3</td> <td>NESTLÉ Omega Plus UHT ( 6 x 200ml , semua variasi )</td> </tr> </tbody> </table>	NO	SKU	1	NESTLÉ Omega Plus Powder ( 150g , 600g, 660g, 1kg, 1.1kg)	2	NESTLÉ Omega Plus with Oats ( 10 x 42g , 10 + 2 x 42g)	3	NESTLÉ Omega Plus UHT ( 6 x 200ml , semua variasi )
NO	SKU								
1	NESTLÉ Omega Plus Powder ( 150g , 600g, 660g, 1kg, 1.1kg)								
2	NESTLÉ Omega Plus with Oats ( 10 x 42g , 10 + 2 x 42g)								
3	NESTLÉ Omega Plus UHT ( 6 x 200ml , semua variasi )								

	<p>8. Untuk setiap pembelian <b>Nilai Minimum</b> Ringgit Malaysia Lima Belas (RM15.00) dalam satu Bukti Pembelian dalam Tempoh Peraduan akan dikira sebagai (1) satu penyertaan di mana satu (1) nombor bersiri akan diberikan secara automatik.</p> <p>9. Penyertaan di mana Pembelian melebihi <b>Nilai Minimum</b> dalam satu Bukti Pembelian dalam Tempoh Peraduan akan diberi nombor bersiri tambahan secara automatik berdasarkan setiap pemenuhan Nilai Minimum dan kaedah pembayaran.</p> <p>10. Pihak Penganjur tidak akan menerima sebarang perubahan pada Bukti Pembelian dalam apa jua bentuk. Resit bertulisan tangan , Pesanan Pembelian dan/atau Nota Penghantaran tidak akan diterima sebagai Bukti Pembelian .</p> <p>11. Walaubagaimanapun, merujuk perkara diatas, setelah menerima Penyertaan dan / atau pemilihan pemenang, mengikut mana yang berkenaan, Pihak Penganjur berhak untuk meminta bukti lanjut dalam memproses Penyertaan termasuk Bukti asal Pembelian (hardcopy) termasuk dokumen pengenalan untuk pengesahan sebelum penghantaran Hadiah. Kegagalan mengemukakan mana-mana dokumen tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan Hadiah.</p> <p>12. Pendaftaran keahlian - setelah mengumpulkan alamat e-mel dari peserta (jika ada), penganjur berhak untuk menghantar transaksi komunikasi dan mengarahkan peserta untuk mendaftar sebagai ahli “Dear Nestlé”.</p>
<p><b>Tarikh Akhir Penyertaan</b></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur pada atau sebelum 23:59:59 pada 6<sup>hb</sup> Disember 2020. Sebarang Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan terbatal secara automatik.</p> <p>Untuk penyertaan Bulanan, penyertaan mesti diterima oleh Penganjur sebelum atau pada 23:59:59 hari terakhir pada Jadual Bulanan seperti jadual di bawah.</p>
<p><b>Perincian Pengadilan</b></p>	<p><b>Pengesahan Penyertaan</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Gambar jelas Bukti Pembelian yang menunjukkan Produk, nombor resit, tarikh pembelian, nilai pembelian dan nama cawangan atau kedai;</li> <li>2. Jawapan yang betul kepada Soalan Peraduan; dan</li> <li>3. Kesahihan tarikh pembelian.</li> <li>4. Tiada perubahan dilakukan pada resit dalam apa cara; nama kedai, barang belian, harga dan tarikh pembelian.</li> <li>5. Resit atas talian rasmi dari Tesco diterima sebagai Bukti Pembelian.</li> <li>6. Resit tulisan tangan , Nota Pesanan dan Nota penghantaran tidak diterima sebagai Bukti Pembelian.</li> </ol>
<p><b>Hadiah</b></p>	<p><b><u>Jadual Peraduan</u></b>  Sebanyak 105 Penyertaan akan dipilih untuk memenangi hadiah mengikut jadual berikut:</p>

- **Minggu 1:** 26<sup>hb</sup> Oktober 2020 ke 01<sup>hb</sup> November 2020
- **Minggu 2:** 02<sup>hb</sup> November 2020 ke 08<sup>hb</sup> November 2020
- **Minggu 3:** 09<sup>hb</sup> November 2020 ke 15<sup>hb</sup> November 2020
- **Minggu 4:** 16<sup>hb</sup> November 2020 ke 22<sup>hb</sup> November 2020
- **Minggu 5:** 23<sup>hb</sup> November 2020 ke 29<sup>hb</sup> November 2020
- **Minggu 6:** 30<sup>hb</sup> November 2020 ke 06<sup>hb</sup> Disember 2020

### Hadiah

**Hadiah Utama** : 3 x Basikal Berlipat 26"

**Hadiah Pertama Mingguan** : 2 x Jam Pintar Kecergasan  
2 pemenang mingguan X 6 minggu : 12 pemenang

**Hadiah Kedua Mingguan** : 15 x Baccar Tesco RM100  
15 pemenang mingguan X 6 minggu : 90 pemenang  
\* Baccar Tesco hanya sah untuk penggunaan di kedai Tesco  
\*\* Baccar Tesco sah sehingga Ogos 2021

Semua pemenang akan dimaklumkan atau dihubungi melalui aplikasi WhatsApp untuk meminta alamat penghantaran. Senarai nama pemenang juga akan diumumkan di laman sesawang Penganjur di <https://www.dearnestle.com.my/event-and-happening/peraduan-nestle-omega-plus>

Setiap peserta layak untuk memenangi maksimum dua (2) hadiah sahaja, dalam tempoh Peraduan:

- 1 x Hadiah Utama dan 1 x Hadiah Pertama Mingguan , **atau**
- 1 x Hadiah Utama dan 1 x Hadiah Kedua Mingguan

### KAEDAH PEMILIHAN PEMENANG:

**Hadiah Pertama Mingguan** : 2 Pemenang Mingguan x 6 minggu

**Jam Pintar Kecergasan**

(Seramai 12 pemenang akan dipilih sepanjang tempoh Peraduan )

Pemenang akan dipilih; jumlah keseluruhan nombor bersiri yang diperuntukkan berdasarkan Penyertaan Layak yang diterima untuk setiap Tempoh Minggu Peraduan (contoh; 600 nombor siri ) ÷ jumlah hadiah yang diperuntukkan = nombor siri penyertaan yang menang, sebagai contoh ;

600 penyertaan mingguan ÷ jumlah hadiah yang diperuntukkan = nombor siri penyertaan yang menang =  $600 \div 2 = \mathbf{300}$   
(Nombor pendaraban dalam kes ini ialah **300** )

Pemenang Hadiah Pertama Mingguan ialah kemasukan nombor bersiri ke-300 dan nombor bersiri ke-600 .

Formula pembundaran akan dilakukan jika bilangan mingguan penyertaan timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal yang terdekat

Seramai **2 PEMENANG** akan dipilih untuk setiap Minggu Peraduan.

**Hadiah Kedua Mingguan : 15 Pemenang Mingguan x 6 minggu  
Baucar Tesco RM100**

(Seramai 90 pemenang akan dipilih sepanjang tempoh Peraduan )

Pemenang akan dipilih; jumlah keseluruhan nombor bersiri yang diperuntukkan berdasarkan Penyertaan Layak yang diterima untuk setiap Tempoh Minggu Peraduan (contoh; 600 nombor siri- Penyertaan dari Pemenang Hadiah Pertama Mingguan ) ÷ jumlah hadiah yang diperuntukkan = nombor siri penyertaan yang menang, sebagai contoh ;

600 penyertaan mingguan ÷ ( Seandainya Penyertaan dari Pemenang Pertama Mingguan ialah 9\* ) / 15= **39.4**

(Nombor pendaraban dalam kes ini ialah **39** )

Pemenang Hadiah Kedua Mingguan ialah kemasukan nombor bersiri ke-39 dan nombor siri berikutnya dengan pendaraban 39.

**15 PEMENANG** akan dipilih bagi minggu tersebut ; contoh nombor siri penyertaan yang menang adalah nombor **39\*,78\*,117\*, 156\*,195\*, 234\*, 273\*, 312\*, 351\*, 390\*, 429\*, 468\*, 507\*, 546\* and 585\***.

Formula pembundaran akan dilakukan jika bilangan mingguan penyertaan timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal yang terdekat

Seramai **15 PEMENANG** akan dipilih untuk setiap Minggu Peraduan.

**Hadiah Utama : 3 x Basikal Berlipat 26"**

Terdapat tiga [3] Hadiah Utama untuk dimenangi sepanjang tempoh Peraduan.

Pemenang akan ditentukan berdasarkan jumlah Penyertaan Layak yang diterima dalam Tempoh Peraduan bagi setiap bulan peraduan (contoh; 4,200 nombor bersiri) dan akan dibahagikan dengan 3, sebagai contoh:

$4,200 \div 3 = \underline{1,400}$

Pemenang Hadiah Utama adalah kemasukan nombor bersiri ke-1,400 dan nombor siri berikutnya dengan pendaraban 1400.

Seramai 3 pemenang akan dipilih bagi bulan Peraduan tersebut; contoh nombor siri penyertaan yang menang adalah nombor- 1400\*, 2800\*\* dan 4200\*

Formula pembundaran akan dilakukan jika timbul nilai perpuluhan, nombor itu akan dibundarkan ke nombor digit tunggal yang terdekat.

<p><b>Tarikh Tuntutan/Serahan Hadiah</b></p>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Semua hadiah akan diproses untuk penghantaran atau kutipan kepada pemenang dalam tempoh enam (6) hingga (8) minggu dari akhir Tempoh Peraduan. Pihak Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah Fasal ini kerana alasan di luar kawalan Penganjur.</li> <li>2. Hadiah mesti dituntut dalam masa tiga (3) bulan dari tarikh pengumuman atau notis mengenai tuntutan Hadiah yang mana antaranya lebih awal gagal, akan mengakibatkan kehilangan kelayakan dan pelucutan Hadiah.</li> <li>3. Sekiranya hadiah yang diterima terdapat kecacatan atau kerosakan yang disebabkan oleh buatan kilang, pemenang mesti mengembalikan hadiah kepada Penganjur dengan kos sendiri dan hadiah tersebut mesti berada dalam bungkusan asalnya untuk penggantian dalam masa 2 minggu dari tarikh penerimaan Hadiah. Kegagalan mematuhi terma dan syarat ini akan mengakibatkan Hadiah tidak akan diganti. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlak untuk menggantikan mana-mana hadiah yang ditunjukkan dengan hadiah lain yang bernilai sama, pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu. Tidak ada alternatif tunai atau bayaran balik yang akan ditawarkan</li> </ol>
--	---

**Jadual Syarat Penyertaan** ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat-syarat Penyertaan**, secara kolektif dirujuk sebagai **“Terma dan Syarat”**, dan akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga peserta yang sah, untuk peserta bawah umur) yang menyertai Peraduan ini (selepas ini dirujuk sebagai **“Peserta”**, **“Anda”**).

## **B. Syarat-syarat Penyertaan**

### **1. Pengenalan**

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai **“Terma dan Syarat”**. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

## **2. Penyertaan Peraduan**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

## **3. Kelayakan**

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

## **4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

## **5. Perlucutan Kelayakan**

5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

## **6. Hadiah**

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Peserta.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.

6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.

6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## **7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai “Material”), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk tujuan pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Milik Harta Intelek**

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 (“Kumpulan Nestlé Malaysia”), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan lanjutan) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **10. Had Liabiliti**

10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.

10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.



## 11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

## 12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai **Peraduan Jantung Dijaga , Keluarga Bahagia** , Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur berdasarkan Notis Privasi di [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).

By participating in the “**Jantung Dijaga , Keluarga Bahagia**” **Contest**, the Participant agrees to the processing of the Participant’s Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice)